

40601

Mohd Shah bin Mohd Said al-Haj. Tambo alam naning.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

FASAL

BAB II

WILAYAH ADAT PERPATIH NANING BIAR MATI ANAK – JANGAN MATI ADAT

- | | |
|---|--|
| (15) (1) Yang Dipertua Negeri hendaklah melantik seorang untuk menyandang jawatan Dato' Penghulu Naning mengikut Adat Perpatih Naning dan orang yang dilantik sedemikian hendaklah menyandang jawatan itu mengikut Adat Perpatih yang dianut oleh orang-orang dalam kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan yang disebutkan bagi maksud-maksud Perkara ini sebagai Wilayah Adat Perpatih Naning. | Perlembagaan Negeri Melaka (Bahagian IV) |
| (2) Tertakluk pada peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Dato' Penghulu Naning berhak mengambil keutamaan se- lepas Yang Dipertua Negeri dalam Wilayah Adat Perpatih Naning. | Dato' Penghulu Naning |
| (3) Yang Dipertua Negeri boleh berunding dengan Dato' Penghulu Naning, dan Dato' Penghulu itu berhak mengemukakan nasi-hatnya terus kepada Yang Dipertua Negeri, tentang apa-apa perkara yang pada penda-pat Yang Dipertua Negeri atau Dato' Penghulu Naning, mengikut mana yang berkenaan, adalah perkara yang berhubung dengan Adat Perpatih Naning dalam Wilayah Adat Perpatih Naning. | M.En. 3
tahun 1977 |
| (4) Tertakluk pada Perlembagaan Persekutuan | M.En. 3
tahun 1977 |

TAMBO ALAM NANING

dan Perlembagaan ini, Badan Perundangan boleh dengan undang-undang memberi kepada Dato' Penghulu Naning tugas yang lainnya berhubung dengan Adat Perpatih Naning.

- (5) Dalam Perkara ini "Adat Perpatih Naning" ertiya Adat sebagaimana yang diamalkan dan diterima oleh orang-orang Wilayah Adat Perpatih Naning (iaitu suatu adat yang tidak mempunyai apa jua hubungan dengan agama).

- (16) Perkara 34. Perlembagaan Negeri Melaka

Luak (mukim)
nan dua puluh lima
(Wilayah Adat
Perpatih Naning)

JADUAL KEDUA
MUKIM-MUKIM YANG DILIPUTI OLEH KUASA
DATO' PENGHULU NANING

Ramuan China Besar	Pulau Sebang
Ramuan China	Tanjung Rimau
Kecil	
Sungai Baharu Ulu	Padang Sebang
Masjid Tanah	Gadek
Sungai Siput	Melaka Pindah
Berisu	Rembia
Ayer Paabas	Sungai Petai
Lendu	Kemuning
Sungai Buloh	Tebong
Melekek	Batang Melaka
Taboh Naning	Jus
Pegoh	Nyalas
Kelemak	

Inilah nan diadatkan Luak Nan Dua Puluh Limo iaitu Wilayah Adat Perpatih Naning. Maka peta-nya telah dimasukkan ke peta Negeri Melaka oleh penjajah British pada bulan Jun1832 selepas Naning kalah peperangan dengan *East India Company* [Syarikat Hindia Timur, tahun 1831 (sila lihat Fasal 17)] pada 6 Jun 1832.

- (17) Bahawa dengan kehendak Adat Nan Diadatkan yang berbunyi "sokali air bah, sokali pasir bor-

ubah, sokali rajo boganti, sokali adat bokisa" maka Negeri Naning bokisar pada Naning iaitu selepas tertubuhnya Negeri Sembilan pada abad yang ke-16 dan apabila Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Maka Luak Naning dikisarkan pula kepada nama Wilayah Adat Perpatih Naning menurut yang telah dikanunkan di bawah Perlombagaan Negeri Melaka, Bahagian IV Adat Perpatih Naning Fasal 34 dan Jadual Kedua – mukim-mukim yang diliputi oleh kuasa Dato' Penghulu Naning. (Sila lihat Bab XXI Jadual Kelima).